



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN TAHUNAN 2023



**JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**





**JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Hak Cipta

Laporan ini boleh diterbitkan semula secara keseluruhan dan sebagainya bagi tujuan pendidikan atau tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pihak penerbit. Laporan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan dijual atau tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah.

Sebarang maklumbalas atau cadangan boleh dihantar kepada

**Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah
Aras 4 dan 5A, Arcade Section
Souq Commercial Centre
Jalan Tun Abdul Razak
05200 Alor Setar
Kedah**

Tel : 04- 733 2382

Faks : 04-733 7530

Visi

Pemuliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat

Misi

Memastikan pembangunan lestari di dalam proses memajukan negara

Fungsi

Mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling selaras dengan maksud Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya

8 prinsip Dasar Alam Sekitar Negara untuk mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi dengan mengambilkira kepentingan alam sekitar iaitu:

Pengawasan Alam Sekitar

Pemuliharaan Ketahanan dan Kepelbagaian Alam

Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar

Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Asli

Membuat Keputusan Bersepadu

Peranan Sektor Swasta

Komitmen dan Kebertanggungjawaban serta Penyertaan Aktif
Oleh Masyarakat Antarabangsa

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGARAH	i
PENGENALAN	1
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	2
UNIT PENTADBIRAN	3
UNIT KEWANGAN	13
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT	14
BAHAGIAN OPERASI	15
UNIT PUNCA TETAP 1 DAN 2	17
CAWANGAN SUNGAI PETANI	18
CAWANGAN KULIM	18
CAWANGAN LANGKAWI	19
UNIT KAWALAN STRATEGIK	21
UNIT LESEN DAN KEBENARAN BERTULIS	25
UNIT KENDERAAN BERMOTOR	29
BAHAGIAN PEMBANGUNAN	40
UNIT PROSES EIA	41
UNIT PENGUATKUASAAN EIA	44
UNIT NOTIFIKASI DAN PENGAWASAN	48
UNIT INPUT PEMBANGUNAN DAN PENDIDIKAN	60
UNIT PENDAKWAAN	99

PERUTUSAN

PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah dapat menyiapkan Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah Tahun 2023. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan ribuan terima kasih kepada semua pegawai yang terlibat dalam mengemaskini laporan ini.

Sehubungan itu, saya berharap agar laporan tahunan ini dapat memberikan maklumat serta informasi yang bermanfaat berhubung gerak kerja keseluruhan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah di sepanjang tahun 2023.

Akhir kata, saya dengan rendah diri ingin menyeru kepada semua agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta badan bukan kerajaan agar dapat mengekalkan ikatan silaturrahim yang sedia terjalin antara semua pihak dalam merealisasikan agenda-agenda program yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2023 sama ada secara langsung atau tidak langsung. Juga diharapkan kita semua dapat memberikan komitmen yang jitu dalam usaha memulihara dan memelihara Negeri Kedah daripada dicemari oleh punca-punca pencemar yang tidak diingini.

Sekian, Wabillahitaufik Wal hidayah.
Wassalamu'alaikum
Warahmatullahiwabarakatuh.

Terima kasih.

PUAN SHARIFAH ZAKIAH BINTI SYED SAHAB
PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH



PENGENALAN

Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah sebuah agensi penguat kuasa yang berperanan menjalankan tanggungjawab bagi memastikan kadar pencemaran yang melibatkan air, udara dan buangan terjadual diminimumkan melalui penguatkuasaan terhadap industri dan bukan industri serta membantu pihak berkuasa tempatan dalam merancang dan meluluskan pembangunan secara lestari demi memastikan alam sekitar sentiasa terpelihara untuk kesejahteraan rakyat. Jabatan Alam Sekitar juga berperanan sebagai penyebarkan maklumat, mewujudkan kemahiran dan idea-idea bernas bagi pembangunan minda masyarakat kearah kesedaran penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar secara berterusan. Ini termasuklah menggalakkan konsep pematuhan sendiri oleh pihak industri dan orang awam.

Pendekatan dan strategi pengurusan alam sekitar sentiasa diubahsuai dan ditambahbaik seiring dengan perkembangan pesat dalam aspek teknologi, perundangan dan "*Information and Communications Technology (ICT)*" serta isu alam sekitar semasa sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Kelestarian Alam dan diselia oleh Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya. Jabatan ini mempunyai tiga (3) bahagian dan tiga (3) cawangan iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Operasi, Bahagian Pembangunan, Cawangan Sungai Petani, Cawangan Kulim dan Cawangan Langkawi. JAS Negeri Kedah beralamat di Aras 4 & 5A, Arcade Section, Souq Commercial Centre, Jalan Tun Abdul Razak, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. Jabatan ini bertanggungjawab dalam memastikan misi dan visi Jabatan Alam Sekitar dicapai di Negeri Kedah.

The background features several large, overlapping geometric shapes. In the top-left and bottom-right corners, there are gold-colored triangles with thin black outlines. In the top-right and bottom-left corners, there are blue triangles with light blue gradients. The central text is bold and black.

BAB 1

BAHAGIAN PENTADBIRAN

DAN KEWANGAN

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Dalam memastikan JAS Negeri Kedah berfungsi mengikut tatakelolaan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Bahagian Pentadbiran dan Kewangan berperanan dalam melaksanakan tanggungjawab dalam menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan pejabat. Ia terdiri daripada empat (4) unit iaitu Pentadbiran, Sumber Manusia, Kewangan dan Teknologi Maklumat.

1.1 UNIT PENTADBIRAN

Unit Pentadbiran berperanan dalam menyediakan perkhidmatan sokongan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah meliputi perkara seperti berikut:

- i. Memberi perkhidmatan pengurusan sistem fail berperingkat, surat menyurat dan pekeliling perkhidmatan;
- ii. Mengurus dan memantau hal-hal kebersihan pejabat dan pemantauan keselamatan pejabat serta pas keselamatan pejabat;
- iii. Pengurusan kenderaan dan pemandu;
- iv. Menguruskan permohonan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer;
- v. Menguruskan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat;
- vi. Mengendalikan Sistem Pengurusan Aset (SPA), stor, inventori, pelupusan dan hapus kira; dan
- vii. Menguruskan perhimpunan dan majlis keramaian pejabat.

Perhimpunan Bulanan

Perhimpunan Bulanan diadakan sebagai salah satu platform kepada seluruh warga JAS Negeri Kedah untuk memberi hebahan maklumat termasuk pengenalan pegawai dan kakitangan baharu, kenaikan pangkat, pertukaran di samping penjelasan dasar, peraturan dan prosedur terkini. Pada tahun 2023, JAS Negeri Kedah telah mengadakan Perhimpunan Bulanan secara fizikal sebanyak empat (4) kali setahun.

Pertukaran / Persaraan

Seramai lapan puluh empat (84) orang Pegawai JAS Kedah telah bertukar keluar dengan kaedah kenaikan pangkat atau melalui permohonan sendiri. Pegawai yang telah bersara adalah seramai tiga (3) orang. JAS Negeri Kedah juga menerima sembilan (9) orang pegawai baharu yang bertukar masuk dari JAS sendiri dan juga jabatan luar. Pegawai-pegawai berkenaan adalah seperti berikut:

Pertukaran Keluar:

Bil.	Tarikh	Pegawai	Tempat Bertukar
1.	20.03.2023	En. Norazizi bin Adnan	JAS Pulau Pinang
2.	29.05.2023	En. Hazimi bin Hamid	JAS Putrajaya
3.	29.05.2023	Pn. Zamaizura binti Nawawi	JAS Pulau Pinang
4.	25.09.2023	En. Ya Mohamad Nazir Syah bin Ismail	JAS Johor
5.	11.10.2023	En. Mohd Rosiskada binti Mohamed	Eimas
6.	30.01.2023	En. Mohd Hilmi bin Razali @ Ramli	Jabatan Penerangan

Pertukaran Masuk:

Bil.	Tarikh	Pegawai	Bertukar Masuk Dari
1.	30.01.2023	En. Mohd Azlisham bin Shamsuri	Kementerian Pertahanan
2.	20.03.2023	Pn. Sharifah Zakiah binti Syed Sahab	JAS Pulau Pinang
3.	08.05.2023	Pn. Nolia binti Mat Hussain	Jabatan Penjara
4.	22.05.2023	En. Mohamad Faizal bin Ibrahim	JAS Pulau Pinang
5.	08.05.2023	Pn. Nor Zaimah binti Mohamad Nasir	Jabatan Kimia

Persaraan :

Bil.	Tarikh	Pegawai	Bersara
1.	31.12.2023	Pn. Siti Salabiah binti Che Hassan	Bersara Pilihan
2.	01.07.2023	En. Saffinee bin Sulaiman	Bersara Wajib

Pengurusan Aset Dan Stor

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (Fasiliti) telah diadakan mengikut ketetapan empat (4) kali setahun.

Bil.	Suku tahun 1	Suku tahun ke 2	Suku tahun ke 3	Suku tahun ke 4
1.	03.05.2023	10.07.2023	23.11.2023	08.01.2024

Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih, Aset Tak Alih dan Stor

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan Dilantik
1.	En. Mohd Nazri bin Ramli	Pegawai Aset
2.	En. Mohd Nazri bin Ramli	Pegawai Teknikal Fasiliti (PTF)
3.	En. Muhammad Khairi bin Ibrahim Pn. Rafidah binti Abdul Aziz	Pegawai Operasi Fasiliti (POF)
4.	En. Mohd Azlisham bin Shamsuri En. Mohamad Sharipudin bin Abu Kasim En. Mohd Khairul Ikhwan bin Atan	Pegawai Daftar Fasiliti (PDF)
5.	Pn. Jasnita binti Abdul Rahman	Penyelaras Aset
6.	Mohd Azlisham bin Shamsuri	Penyelaras Aset ICT & Penyelaras Stor ICT

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan Dilantik
7.	En. Mohd Fitri bin Mokhtar	Penyelaras Aset Teknikal
8.	En. Mohd Nazri bin Ramli	Urus Setia Aset Alih
9.	Pn. Jasnita binti Abdul Rahman	Urus Setia Aset Fasiliti
10.	En. Mohd Nazri bin Ramli	Urus Setia Aset Alih & Aset Fasiliti
11.	Pn. Jasnita binti Abdul Rahman	Pegawai Pelulus Stor
12.	Pn. Murshida binti Zainol	Pegawai Stor Pentadbiran
13.	Pn. Noor Aishah binti Arshad	Penyelaras Stor Teknikal

Pegawai Pemeriksa Aset dan Stor

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan Dilantik
1.	Pn. Norafiza binti Halim	Pegawai Pemeriksa Aset
2.	En. Mohd Juzaimi bin Jamaludin	
3.	Pn. Shurizah Hanim binti Omar	
4.	En. Mohamad Faizal bin Ibrahim	
5.	En. Mohd Firdaus bin Samsudin	
6.	Pn. Yusmaizyani binti Yusof	

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan Dilantik
7.	En. Mohamad Faizal bin Ibrahim	Pegawai Pemeriksa Aset Alih
8.	Pn. Shurizah Hanim binti Omar	
9.	Pn. Norafiza binti Halim	
10.	En. Mohd Fitri bin Mokhtar	Lembaga Pemeriksa Pelupusan
11.	En. Mohd Rosli bin Mohd Nor	
12.	En. Ahmad Ridzuandy bin Abdul Razak	
13.	En. Azlanshah bin Mohd Yusof	Pegawai Pemverifikasi Stor (Stor Pentadbiran)
14.	En. Azahari bin Mat	Pegawai Pemverifikasi Stor (Stor Pentadbiran)
15.	Pn. Asni Ismazila binti Ismail	Pegawai Pemverifikasi Stor (Stor ICT)
16.	Pn. Norafiza binti Halim	Pegawai Pemverifikasi Stor (Stor ICT)
17.	Pn. Asni Ismazila binti Ismail	Pegawai Pemverifikasi Stor (Stor Teknikal)
18.	Pn. Norafiza binti Halim	Pegawai Pemverifikasi Stor (Stor Teknikal)

Pengurusan Kenderaan

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah mempunyai kenderaan jabatan yang terdiri daripada sembilan belas (19) buah kereta, tiada kenderaan motosikal, dua (2) buah kenderaan SPANCO dan tiga (3) buah kenderaan Syarikat Enterprise. Berikut adalah senarai pegawai yang ditugaskan membawa kenderaan jabatan dan bertanggungjawab dalam pengurusan kenderaan:

Pemandu Kenderaan

Bil.	Nama Pegawai	Jenis Kenderaan / No. Pendaftaran
1.	Mohd Hamizi bin Mahadzir	Toyota Hilux / VFP 9071
2.	Irman bin Ismail	Toyota Hilux / KFU 8493
3.	Ismail bin Shahidan	Toyota Hilux / KFU 8726
4.	Mohd Nazri bin Marzuki	Toyota Hilux / VAJ 7514
5.	Muhammad Abdullah bin Ismail	Proton X70 / VLK 8053
6.	Rizal bin Aziz	Toyota Hilux / KFU 8192
7.	Azahari bin Mat	Toyota Hilux / VLL 1832
8.	Mohd Azlanshah bin Mohd Yusof	Toyota Hilux / Wyh 6032
9.	Mohd Hamizi bin Mahadzir	Mitsubishi Pajero / WLB 6175
10.	Mohd Hamizi bin Mahadzir	Nissan Xtrail / WWD1699
11.	Mohamad Shabir bin Said	Toyota Hilux / WA 3776 Q
12.	Mohamad Shabir bin Said	Toyota Furtuner / VMG 8230
13.	Jamani bin Abu Bakar	Proton Persona / VJT 6958
14.	Jamani bin Abu Bakar	Mitsubishi Pajero / WKE 1335
15.	Jamani bin Abu Bakar	Nissan Xtrail / WPL 856
16.	Jamani bin Abu Bakar	Toyota Hilux / VHH 4895
17.	Jamani bin Abu Bakar	Nissan Xtrail / WSA 857
18.	Mohamad Akib bin Md Ali	Nissan Xtrail / WSA 861
19.	Mohamad Akib bin Md Ali	Isuzu Dmax / VDW 2784

20.	Mohamad Akib bin Md Ali	Toyota Hilux / VHH 4914
21.	Mohamad Akib bin Md Ali	Mitsubishi Pajero / WKF 482
22.	Zambri bin Musa	Toyota Furtuner / WUJ 2690
23.	Zambri bin Musa	Toyota Innova / KCD 5823
24.	Zambri bin Musa	Proton Persona / VJT 6870

Pegawai Kenderaan / Pegawai Penyelia

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan Dilantik
1.	Jasnita binti Abd Rahman	Pegawai Kenderaan
2.	Murshida binti Zainol	Penolong Pegawai Kenderaan
3.	Jasnita binti Abd Rahman	Pegawai Pelulus Bulanan Buku Log Kenderaan

Data Perjawatan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah mempunyai waran perjawatan yang telah diluluskan iaitu sebanyak lapan puluh empat (**84**) perjawatan. Berikut adalah jadual data perjawatan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah sehingga 31 Disember 2023.

Bil.	Jawatan	Gred	Bil. Jawatan	Bil. Jawatan Yang Diisi	Bil. Kekosongan Jawatan
1.	Pengarah	C54	1	1	0
2.	Ketua Penolong Pengarah Kanan (Operasi)	C52	1	1	0
3.	Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan)	C48	1	1	0
4.	Pegawai Kawalan Kanan / Ketua Cawangan	C44	4	4	0
5.	Pegawai Kawalan	C41	7	5	2
6.	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32	1	1	0
7.	Penolong Pegawai Kawalan Tinggi	C38	1	1	0
8.	Penolong Pegawai Kawalan Kanan	C32	7	6	1
9.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29	1	1	0
10.	Penolong Pegawai Kawalan	C29	20	17	3
11.	Setiausaha Pejabat	N29	1	1	0
12.	Penolong Jurutera	JA29	20	18	2

13.	Juruteknik	JT22	2	2	0
14.	Pembantu Tadbir	N19	7	6	1
15.	Pembantu Akauntan	W29	2	2	0
16.	Pemandu	H11	7	7	0
17.	Pembantu Operasi	N11	1	1	0
Jumlah Besar			84	77	7



SHARIFAH ZAKIAH
PENGARAH C54

NORZAIMAH
SETIAUSAHA PEJABAT N29

HAZIZI
KETUA BAHAGIAN (OPERASI)
C52

MOHD ROSISKADA
KETUA BAHAGIAN (PEMBANGUNAN)
C48

KETUA BAHAGIAN
PENTADBIRAN DAN
KEWANGAN

PYBDT 1
SALMIWATY
C41

PYBDT 2
MOHAMAD NAJMI
C41

KB & LESEN
KOSONG
C41

KAWALAN STRATEGIK
KOSONG
C41/C44

STOR TEKNIKAL
DAN RAYUAN
KOMPAUN

NOTIFIKASI DAN PENGAWASAN
MUHAMMAD KHALID
C44

PROSES EIA
HUMAIDI
C41

PENGUATKUASAAN EIA
&
GIS
MOHD ALIFF
C41

INPUT
PEMBANGUNAN &
PENDIDIKAN
FARAH SOFEA
C41

PENDARWAAN
MUNIFF
C32 (TBK)

JASNITA
N32

INDUSTRI
PEMBUATAN/
BUKAN
PEMBUATAN
MOHD KHAIRUL
AZHAR, BKM - C32
(TBK)
ROSMAINY
JA 29

INDUSTRI
PEMBUATAN/
BUKAN
PEMBUATAN
NORATIKAH
C29
ZULKIFLI
JA 29

PERLESENAN, KB S19
DAN
PENGUAT
KUASAAN
JOHAIMIN
C32
YUSMAIZYANI
C32 (TBK)

ADUAN/
UCPT/KONTINGENSI
AHMAD RIDZUAN
C32
MOHD JUZAIMI
C32(TBK)
JAMILAH
JA 29
AZLAN SHAH
JA29

KENDERAAN
BERMOTOR
MOHD FIRDAUS
C32
AZAHARI
JA 29
AHMAD FAIZAL
JA 29
RIZAL
JA29

NOOR AISHAH
JT22

SITI FARAHYAH
C29
SAMSUL AZAHAN
JA29
RAZMAN
JA 29

ZULFATAH
C32
MOHAMAD
SHABIR
JA29

SYALIZAH
C32 (TBK)
SHAHRIZAL
JA 29

ABU BAKAR
C38
MOHD JEFRI
C32(TBK)

ICT
MOHD
AZLISHAM
FA32 (TBK)

KEWANGAN
RAFIDAH
W29
MOHD KHAIRI
W29

CAWANGAN

PENTADBIRAN,
SUMBER MANUSIA
DAN STOR PENTADBIRAN

SOPIAH - N22 (TBK)
NOR HASNITA - N22 (TBK)
MASHITAH - N22 (TBK)
MURSHIDA - N19
MUHAMMAD ABDULLAH - N11
IRMAN - H11
MOHD NAZRI - H11
MOHD HAMIZI - H11
ISMAIL - H11

KULUM
MOHD FAIZAL
C44
MOHAMAD SHARIPUDIN - C32
YUSNIZA - C 32 (TBK)
SITI SALABIAH - C 32 (TBK1)
MOHAMAD FAIZAL - C 32 (TBK1)
MOHAMAD RIZAL - C 32 (TBK)
ASNI ISMAZILA - C32
SITI MARIAM - C29
SAKINAH - JA 29
SHAHIRIN - JA 29
HAMIZA - JA 29
SITI FARAH WAHIDA - JA 29
KOSONG - N19
MOHD AKIB - H11

LANGKAWI
MOHD ROSLI
C44
AZAHAR - C38 (TBK2)
NORAFIZA - C32 (TBK1)
KOSONG - C29/32
FARAH FARHANA - C29
KOSONG - JA 29
HAMIRUL AZAM - JA 29
NORHAYATI - N19
ZAMBRI - H14

SUNGAI PETANI
YA MOHAMMAD NAZIR SYAH
C44
KOSONG - C29/32
NORAINI - C32(TBK)
ROS MASRIANI - C32 (TBK)
SITI FAIRUZ - C29
MOHAMED KHAIRUL IKHWAN - JA 29
MD. SAYUDI - JA 29
AZLIYATUN SAADIAH - JA 29
SHURIZAH HANIM - J 22
AZNIZA - N19
JAMANI - H11

Telah dikemaskini pada 31.12.2023

Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah 2023

1.2 UNIT KEWANGAN

Peruntukan Kewangan Berakhir 31 Disember 2023

Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah menerima peruntukan sebanyak RM 6 679 597.21 dan telah dibelanjakan sebanyak RM 6 679 597.21.

Perkara	Belanja Mengurus (RM)	Belanja Pembangunan (RM)
Peruntukan Kemaskini	6 679 597.21	307 590.00
Perbelanjaan Kemaskini	6 679 597.21	307 590.00
Peratus Perbelanjaan	100%	100%
Baki Peruntukan	0.00	0.00

Hasil

Kutipan hasil pada tahun 2023 mengikut pecahan seperti:

Kod Objek	Perihal Kod	Jumlah (RM)
H0273301	Jualan Harta Benda Kerajaan	0.00
H0171408	Lesen Pencemaran Alam Sekitar	67 996.71
H0176199	Pelbagai bayaran hukuman	270 100.00
	Jumlah	338 096.71

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)

Bil	Suku tahun 1	Suku tahun ke 2	Suku tahun ke 3	Suku tahun ke 4
1	03.05.2023	10.07.2023	23.11.2023	08.01.2024

1.3 UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Aduan Kerosakan ICT

Unit Teknologi Maklumat sentiasa memastikan segala kemudahan dan kelengkapan ICT dalam keadaan yang baik. Hal ini dititikberatkan agar dapat memastikan urusan pentadbiran sentiasa berjalan dengan lancar. Aduan kerosakan ICT yang diterima telah diambil tindakan segera dalam tempoh kurang dari 8 jam. Pada tahun 2023, sebanyak lima (5) aduan kerosakan ICT diterima. Aduan-aduan tersebut juga telah berjaya diatasi dengan baik dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Perolehan Peralatan ICT

Tiada rekod perolehan peralatan ICT dilaksanakan yang melibatkan pencetak, pengimbas dan lain-lain.

Pelupusan Peralatan ICT

Tiada rekod pelupusan peralatan ICT yang dilakukan pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, terdapat lima puluh dua (52) aset ICT yang telah dikenalpasti untuk menjalani proses pelupusan pada tahun 2024.

The background features several large, overlapping geometric shapes. In the top-left and bottom-right corners, there are gold-colored triangles with thin black outlines. In the top-right and bottom-left corners, there are blue triangles with light blue gradients. The central text is bold and black.

BAB 2

BAHAGIAN OPERASI

BAHAGIAN OPERASI

Bahagian Operasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah berfungsi dalam menjalankan penguatkuasaan sama ada ke atas Punca Tetap atau Punca Bergerak (Kenderaan Bermotor). Dalam masa yang sama, bahagian ini juga menjalankan siasatan aduan bagi memastikan pematuhan semua punca - punca pencemaran tersebut terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) serta Peraturan - Peraturan di bawahnya. Penguatkuasaan juga dijalankan di cawangan-cawangan seperti Cawangan Sungai Petani, Kulim dan Langkawi oleh pegawai-pegawai operasi di cawangan masing-masing.

Punca-punca pencemaran dan kesalahan yang dipantau oleh Bahagian Operasi adalah terdiri daripada:

- i. Pelepasan efluen perindustrian dan efluen bercampur daripada premis perindustrian;
- ii. Pelepasan kumbahan daripada premis yang melepaskan kumbahan melebihi piawai yang ditetapkan;
- iii. Pelepasan larut resapan daripada stesen pemindahan sisa pepejal dan kabus tanah melebihi piawai yang ditetapkan;
- iv. Pelepasan bendasing udara samada melalui cerobong melebihi piawai yang ditetapkan atau melakukan pembakaran terbuka tanpa kebenaran;
- v. Tiada alat kawalan pencemaran udara, tiada alat kawalan pencemaran air dan tiada alat kawalan pencemaran bunyi bising; dan
- vi. Pemantauan ambien alam sekitar tidak dijalankan (jika disyaratkan atau diarahkan melalui Notis); dan lain-lain pencemaran seperti ditakrifkan di dalam Akta 127

2.1 UNIT PUNCA TETAP ZON 1 DAN UNIT PUNCA TETAP ZON 2

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 342 pemeriksaan penguatkuasaan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) di bawah seliaan Unit Punca Tetap Zon 1 dan Unit Punca Tetap Zon 2 telah dijalankan di Negeri Kedah yang melibatkan premis-premis industri pembuatan dan bukan industri pembuatan seperti kuari dan tapak sanitari sisa pepejal di dalam Daerah Kota Setar, Kubang Pasu, Pendang, Padang Terap dan Pokok Sena.

Siasatan penguatkuasaan yang dijalankan memfokuskan kepada pematuhan peraturan-peraturan berikut:

- i. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009
- ii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005
- iii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014
- iv. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, tindakan susulan telah diambil terhadap premis yang tidak patuh seperti mengeluarkan Notis Arahan, Tindakan Kompaun dan Penyediaan Kertas Siasatan seperti berikut:

Bilangan pemeriksaan	Command & Control (C&C)	Dekstop Enforcement (DE)	Tindakan Penguatkuasaan		
			Kompaun	Notis Arahan	Kertas Siasatan
342	245	97	11	45	11

2.2 CAWANGAN SUNGAI PETANI

Sebanyak 726 siasatan penguatkuasaan dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sungai Petani yang melibatkan penguatkuasaan ke atas premis-premis industri pembuatan dan bukan industri pembuatan di dalam Daerah Kuala Muda, Sik dan Yan. Pemeriksaan turut melibatkan kes aduan orang awam di sekitar Sungai Petani. Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, tindakan susulan telah diambil terhadap premis yang tidak patuh seperti mengeluarkan Notis Arahan, Tindakan Kompaun dan Penyediaan Kertas Siasatan seperti berikut:

Bilangan pemeriksaan	Command & Control (C&C)	Dekstop Enforcement (DE)	Tindakan Penguatkuasaan		
			Kompaun	Notis Arahan	Kertas Siasatan
726	649	77	59	76	20

2.3 CAWANGAN KULIM

Sebanyak 409 pemeriksaan penguatkuasaan di bawah seliaan Cawangan Kulim telah dijalankan di Negeri Kedah yang melibatkan penguatkuasaan ke atas premis-premis industri pembuatan dan bukan industri pembuatan dalam Daerah Kulim, Baling dan Bandar Baharu. Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan pada Tahun 2023, tindakan susulan telah diambil terhadap premis yang tidak patuh seperti mengeluarkan Notis Arahan, Tindakan Kompaun dan Penyediaan Kertas Siasatan seperti berikut:

Bilangan pemeriksaan	Command & Control (C&C)	Dekstop Enforcement (DE)	Tindakan Penguatkuasaan		
			Kompaun	Notis Arahan	Kertas Siasatan
409	327	87	42	37	48

2.4 CAWANGAN LANGKAWI

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 173 pemeriksaan penguatkuasaan di bawah seliaan Cawangan Langkawi telah dijalankan di Negeri Kedah yang melibatkan penguatkuasaan ke atas premis-premis industri pembuatan dan bukan industri pembuatan dalam Daerah Langkawi. Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan pada Tahun 2023, tindakan susulan telah diambil terhadap premis yang tidak patuh seperti mengeluarkan Notis Arahan, Tindakan Kompaun dan Penyediaan Kertas Siasatan seperti berikut:

Bilangan pemeriksaan	Command & Control (C&C)	Dekstop Enforcement (DE)	Tindakan Penguatkuasaan		
			Kompaun	Notis Arahan	Kertas Siasatan
173	109	64	-	2	-



Pengukuran in-situ dan persampelan efluen



Penyiasatan aduan pencemaran di Daerah Langkawi




Penyiasatan aduan pencemaran di Daerah Langkawi

2.5 UNIT KAWALAN STRATEGIK


Aduan Pencemaran Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah termasuk 3 cawangan iaitu Cawangan Kulim, Sungai Petani dan Langkawi telah menerima aduan sebanyak 624 kes berhubung pencemaran sepanjang tahun 2023. Aduan pencemaran udara mencatatkan jumlah aduan tertinggi iaitu sebanyak 467 kes **(75%)**, diikuti aduan lain-lain pencemaran sebanyak 57 kes **(9%)**, aduan pencemaran air sebanyak 53 kes **(8%)**, aduan pencemaran bunyi bising sebanyak 22 kes **(4%)**, aduan pencemaran berkaitan buangan terjadual sebanyak 21 kes **(3%)** dan aduan pencemaran tumpahan minyak sebanyak 4 kes **(1%)**.



Jenis aduan pencemaran Tahun 2023

Daripada 467 kes aduan pencemaran udara yang diterima, aduan pembakaran terbuka mencatatkan bilangan aduan yang diterima paling tinggi iaitu 268 kes **(57%)**. Seterusnya, aduan pencemaran daripada pelepasan asap kilang merekodkan bilangan aduan yang diterima kedua tertinggi iaitu sebanyak 119 kes **(26%)**, aduan pencemaran bau pula mencatatkan bilangan aduan yang diterima ketiga tertinggi iaitu sebanyak 49 kes **(11%)**, diikuti aduan pencemaran habuk dan debu iaitu sebanyak 30 kes **(6%)** dan aduan pencemaran daripada pelepasan asap kenderaan iaitu sebanyak 1 kes.



Aduan pencemaran udara mengikut sub jenis aduan Tahun 2023

Pecahan Aduan Mengikut Daerah 2023

Berdasarkan Graf 3.2, keseluruhan aduan yang direkodkan adalah sebanyak 624 kes, berikut adalah pecahan aduan pencemaran mengikut daerah iaitu Daerah Kuala Muda telah mencatatkan bilangan penerimaan aduan paling tinggi iaitu sebanyak 304 kes, diikuti Daerah Kulim iaitu sebanyak 141 kes, Daerah Kota Setar telah mencatatkan penerimaan aduan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 64 kes. Selebihnya mengikut daerah seperti berikut Daerah Kubang Pasu sebanyak 36 kes, Daerah Baling sebanyak 19 kes, Daerah Pokok Sena sebanyak 18 kes, Daerah Langkawi sebanyak 14 kes, Daerah Pendang sebanyak 8 kes, Dearah Bandar Baharu sebanyak 7 kes, Daerah Yan sebanyak 6 kes, Daerah Padang Terap sebanyak 4 kes dan Daerah Sik sebanyak 3 kes.



Aduan Pencemaran Yang Diterima Mengikut Daerah Tahun 2023

Aduan Mengenai Pembakaran Terbuka

Sepanjang tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah menerima sebanyak 268 kes aduan mengenai pembakaran terbuka daripada keseluruhan 12 daerah. Di samping aduan mengenai pembakaran terbuka, pihak Jabatan Alam Sekitar juga melalui *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) Satellite*, telah mengesan sebanyak 13 titik panas (*hotspot*) yang berlaku dalam negeri Kedah sepanjang tahun 2023.

Sebagai langkah untuk mencegah aktiviti pembakaran terbuka pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah melaksanakan sebanyak 330 operasi rondaan darat di kawasan-kawasan yang dikenalpasti boleh mengakibatkan kebakaran. Ini juga merupakan langkah pencegahan bagi mengelakkan kejadian jerebu yang berpunca daripada kawasan setempat.

Permohonan Pembakaran Terbuka

Sepanjang tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah menerima sebanyak 10 permohonan untuk melakukan pembakaran terbuka. Daripada jumlah tersebut, 6 permohonan telah disokong dan 4 daripadanya ditolak.

2.6 UNIT LESEN DAN KEBENARAN BERTULIS

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) merupakan premis yang dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974. Premis ini terdiri daripada Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS), Kilang Getah Asli Mentah (KGAM), Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Penuh, Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa dan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual.

Bagi tujuan kawalan pencemaran ke atas PYDT, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah melaksanakan penguatkuasaan mengikut program yang dirancang bagi mencapai Petunjuk Utama Prestasi (KPI) Ketua Pengarah Alam Sekitar yang telah ditetapkan iaitu, pematuhan sebanyak 100% bagi premis Buangan Terjadual, Kilang Getah dan Kilang Kelapa Sawit.

Pada tahun 2023, sebanyak 39 premis telah dilesenkan di bawah Seksyen 18(1), AKAS 1974 masing-masing mengikut pecahan seperti Jadual 2.6.1

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 62 pemeriksaan secara lapangan dan 17 pemeriksaan dekstop terhadap PYDT (BT) yang telah dijalankan manakala, bagi kilang kelapa sawit, sebanyak 18 pemeriksaan lapangan dan 6 pemeriksaan dekstop telah dijalankan terhadap 30 PYDT yang dilesenkan di bawah Seksyen 18(1), AKAS 1974. Daripada jumlah tersebut didapati bahawa pematuhan bagi kedua-dua kilang PYDT(BT) dan kelapa sawit adalah sebanyak 100%.

Berdasarkan siasatan penguatkuasaan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2023, sebanyak 20 Notis Arahan di bawah AKAS, 1974 telah dikeluarkan kepada premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah kerana kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan, sebanyak 1 tawaran kompaun dikeluarkan di atas kesalahan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Bil.	Jenis Premis	Bil. Premis Yang Dilesenkan	Bil. Premis Yang Diperiksa	Bil. Penguatkuasaan	Tindakan Penguatkuasaan		
					Notis Arahan	Kompaun	Tindakan Mahkamah
1.	Kilang Kelapa Sawit	6	6	24	2	1	0
2.	Kilang Getah	9	9	30	7	0	0
3.	Premis Buangan Terjadual	24	24	79	11	0	0

Status pematuhan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Tahun 2023

2.7 UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Daripada Kenderaan Diesel

Pengawalan pelepasan asap hitam daripada enjin diesel kenderaan bermotor dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. Bagi mengawal pelepasan asap hitam dari kenderaan bermotor ini, dua (2) kaedah operasi utama telah dijalankan iaitu:

- i. Operasi Statik Bersepadu bersama agensi penguat kuasa iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan; dan
 - ii. Operasi Catat/Kamera Video dimana operasi ini dijalankan menggunakan kaedah merakamkan gambar tetap (*still photo*) atau gambar bergerak menggunakan Kamera Video atau Kamera Digital terhadap kenderaan yang didapati secara visual melepaskan asap hitam berlebihan.
- i. **Operasi Statik Penguatkuasaan Pelepasan Kenderaan Berenjin Diesel Bersama Agensi Penguat kuasa**

Sebanyak 31 operasi bersepadu bagi kenderaan diesel telah dijalankan dan daripada operasi tersebut, sebanyak 542 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa. Terdapat 31 tawaran kompaun telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan 45 Notis Arahan Pemeriksaan di bawah Seksyen 48(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk menjalani pemeriksaan semula asap hitam di PUSPAKOM ke atas kenderaan yang melepaskan asap melebihi 50% ketumpatan.



Operasi Penguatkuasaan terhadap Kenderaan Enjin Diesel bagi Penguatkuasaan di bawah PPKAS (Kawalan Pelepasan Enjin Diesel) 1996

ii. Operasi Catat / Kamera Video Menggunakan Kamera Video atau Kamera Digital

Operasi Catat adalah satu kaedah pemerhatian dan penguatkuasaan pelepasan asap hitam kenderaan diesel melalui visual menggunakan kamera video. Bagi tahun 2023, sebanyak 165 operasi catat telah dijalankan dimana 39,115 buah kenderaan diesel telah dicatat. Daripada jumlah tersebut, 10 buah kenderaan telah didapati melepaskan asap hitam berlebihan dan diberi Notis Arahan Pemeriksaan di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk menjalani pemeriksaan asap hitam di PUSPAKOM.



Operasi Catat yang dijalankan dengan kaedah merakam gambar secara visual bagi kenderaan yang melepaskan asap hitam berlebihan

Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol, Gas Motosikal dan Bunyi Bising Motosikal

Pengawalan pelepasan daripada enjin petrol kenderaan bermotor dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Gas-gas yang diuji adalah gas Karbon Monoksida (CO) dan gas Hidrokarbon (HC) menggunakan meter gas TEN Innova. Standard pelepasan yang dibenarkan bagi model kenderaan sebelum 1 Januari 1997 adalah CO 4.5% dan HC (800 ppm) manakala bagi model kenderaan selepas 1 Januari 1997 pula CO 3.5% dan HC (600 ppm).

- (i) Bagi tahun 2023, sebanyak 4 operasi bersepadu bagi kenderaan Petrol telah dijalankan dan 46 buah kenderaan Petrol telah diuji meter. Semua kenderaan Petrol yang diuji meter didapati patuh pada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.



Operasi Penguatkuasaan terhadap Kenderaan Enjin Petrol bagi Penguatkuasaan di bawah PPKAS (Kawalan Pelepasan Enjin Petrol) 1996

- (ii) Bagi kawalan terhadap peraturan di bawah Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003, sebanyak 4 operasi telah dijalankan dan tiada kenderaan motosikal dikenakan tindakan Notis Arahan dibawah Seksyen 48(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974



Operasi Penguatkuasaan terhadap Kenderaan Motosikal bagi Penguatkuasaan di bawah PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003

- (iii) Bagi pemeriksaan ujian bunyi bising motosikal yang dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987, sebanyak **240** kenderaan telah diperiksa dan **66** daripadanya telah dikeluarkan tawaran kompaun.



Operasi Penguatkuasaan terhadap Kenderaan Motosikal bagi
Penguatkuasaan di bawah PPKAS (Bunyi Bising Motosikal) 1987

Program Pemeriksaan Ke atas Premis Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

Pengendali Berkumpulan ataupun “*Fleet Operator*” (FO) adalah syarikat atau seseorang yang memiliki dan mengendalikan 10 unit atau lebih kenderaan berenjin diesel. Bagi tahun 2023, sebanyak 40 buah premis pengendali berkumpulan di Negeri Kedah telah diperiksa dan diarahkan untuk menyediakan serta mengemaskini buku log. Buku log yang mengandungi semua maklumat berkaitan tarikh dan masa sesebuah kenderaan diselenggara dan melalui ujian pelepasan asap di PUSPAKOM berfungsi sebagai rujukan pengendali bagi memastikan kenderaan sentiasa diselenggara dan dihantar untuk membuat ujian mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Tiada tindakan kompaun dikeluarkan kepada “*Fleet Operator*” pada tahun 2023 di atas kesalahan Pematuhan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.



Penguatkuasaan Ke atas Premis Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) bagi pematuhan pengurusan terhadap PPKAS (Buangan Terjadual) 2005

Program Pemeriksaan Pengesanan Refrigerant (RI) ke atas Bengkel-Bengkel Penyaman Udara Kenderaan

Program pemeriksaan *refrigerant identifier (RI)* dijalankan ke atas bengkel-bengkel yang mengendalikan penyaman udara kenderaan berdasarkan Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 2020 yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2020. Kebanyakan penyaman udara kenderaan mengandungi CFC12 sebagai bahan pendingin. CFC12 dikenali sebagai bahan pemusnah ozon (ODS), yang telah dihapuskan penggunaannya. Gas yang dibenarkan sebagai bahan pendingin udara kenderaan adalah R134a iaitu gas mesra ozon yang selamat digunakan. Bagi tahun 2023, sebanyak 5 buah bengkel telah diperiksa dan kesemuanya telah dimaklumkan mengenai pemakaian peraturan baru terhadap pengurusan Refrigeran, daripada 5 siasatan tersebut, tiada premis telah dikenakan tindakan Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 kerana kegagalan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.



Penguatkuasaan ke atas premis yang mengendalikan penyaman udara bagi pematuhan pengurusan terhadap PPKAS (Pengurusan Refrigeran) 2020

Penguatkuasaan terhadap Peraturan 16, Peraturan - Peraturan (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan - Peraturan (Kawalan Daripada Enjin Petrol) 1996

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 22 program Penguatkuasaan Peraturan 16 telah dijalankan melibatkan perhentian dan stesen bas di Negeri Kedah. Penguatkuasaan Peraturan 16 adalah melibatkan pematuhan kepada kenderaan yang tidak bergerak melebihi 3 minit di dalam kawasan tertutup, kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian. Kenderaan tersebut hendaklah dimatikan enjin berdasarkan penguatkuasaan Peraturan 16.



Penguatkuasaan ke atas kenderaan diesel di terminal bas bagi pematuhan di bawah Peraturan 16, PPKAS (Kawalan Pelepasan Enjin Diesel) 1996

Program Ujian Semula Pelepasan Asap di PUSPAKOM

Ujian semula pelepasan asap kenderaan diesel di PUSPAKOM dijalankan pada setiap hari Rabu, dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari, dengan kehadiran kakitangan Jabatan Alam Sekitar Kedah. Ujian ini dijalankan ke atas kenderaan-kenderaan diesel yang telah menerima tawaran kompaun di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Notis Arahan Pemeriksaan di bawah Seksyen 31 dan 48(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Bagi tahun 2023, kakitangan JAS telah bertugas di PUSPAKOM selama 93 hari dan sebanyak 85 buah kenderaan telah menjalani ujian semula pada hari pegawai bertugas di PUSPAKOM.

Program Pemeriksaan/Audit Kemudahan Yang Di Luluskan (KYDL) PUSPAKOM

Audit ke atas KYDL PUSPAKOM turut dijalankan bagi memastikan premis mematuhi segala syarat- syarat lesen KYDL yang telah dikeluarkan. Tiga (3) asas utama yang perlu ada bagi KYDL adalah mempunyai anggota yang kompetan untuk mengendalikan alat, peralatan untuk melakukan ujian pelepasan asap dan mematuhi syarat- syarat lesen yang dikeluarkan sebagai KYDL. Pada tahun 2023, sebanyak 22 audit yang telah dijalankan di PUSPAKOM Kedah dan pematuhan yang direkodkan adalah 100%.



Program pemeriksaan uji semula kenderaan yang telah dikenakan tindakan undang-undang dijalankan di PUSPAKOM



Audit pematuhan KYDL (Kemudahan Yang Diluluskan) di Puspakom, Kedah.

Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel

Pada tahun 2023, sebanyak 5 lokasi persampelan telah dijalankan di premis stesen minyak di Negeri Kedah. Persampelan yang dilakukan melibatkan bahan api Petrol 97 bagi Pematuhan di bawah kandungan Petrol EURO 4M, Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel (Pindaan) 2013 dan sampel minyak Diesel EURO 5M bagi Pematuhan di bawah Peraturan - Peraturan (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel (Pindaan) 2021. Berdasarkan kepada keputusan yang direkodkan, kesemua 5 sampel minyak yang diambil mematuhi standard yang telah ditetapkan.



Penguatkuasaan ke atas stesen minyak di Negeri Kedah bagi pematuhan di bawah PPKAS (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) (Pindaan) 2021

Operasi Gerak

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah menggiatkan lagi aktiviti penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran termasuk dari punca kenderaan bermotor. Sehubungan dengan itu, JAS Negeri Kedah telah menjalankan Operasi Gerak bersepadu dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), dengan sejumlah 23 Operasi Gerak telah dijalankan bagi tahun 2023.



Operasi gerak bersama agensi penguatkuasa iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Negeri Kedah dijalankan mengikut frekuensi yang ditetapkan.



BAB 3

BAHAGIAN PEMBANGUNAN


3. BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah melaksanakan pemprosesan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan memproses permohonan berkaitan cadangan pembangunan termasuk yang dirujuk oleh jabatan lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan/agensi kerajaan, pengilang dan jururunding. Selain itu, pemprosesan pemberitahuan bertulis juga turut diproses. Bahagian ini turut menjalankan penguatkuasaan ke atas projek yang telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi memastikan syarat-syarat yang diberikan dipatuhi, dengan menjalankan program Pengawasan Alam Sekitar dan menjadi penggerak kepada program pendidikan serta kesedaran Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah.

3.1. UNIT PROSES EIA


Pada Tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah menerima dan memproses 32 laporan EIA. Daripada jumlah tersebut 10 laporan EIA telah diluluskan manakala 22 laporan EIA tidak diluluskan.

Pada suku tahun pertama, sebanyak 6 laporan yang telah diterima dan diproses tetapi hanya 1 laporan yang diluluskan. Seterusnya, pada suku tahun kedua sebanyak 9 laporan yang diterima dan tidak ada laporan yang diluluskan. Pada suku tahun ketiga pula, terdapat 5 laporan yang diterima oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah dan 1 laporan yang diluluskan. Akhir sekali, pada suku tahun yang terakhir terdapat 13 laporan yang diterima dan diproses dan terdapat 8 laporan yang telah diluluskan.



Graf pencapaian penilaian Laporan EIA Tahun 2023

Sebanyak 7 kategori laporan EIA bagi Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah yang telah diterima dan diproses. Berikut adalah pecahan bagi kategori tersebut antaranya adalah perhutanan, pengolahan dan pelupusan buangan, pembangunan di kawasan cerun, perumahan, pembangunan estet industri, pembinaan di kawasan pantai dan akhir sekali adalah kategori jalan bagi tahun 2023.




Graf pecahan kategori Laporan EIA Tahun 2023

3.2 UNIT PENGUATKUASAAN EIA

Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah menjalankan 126 siri lawatan penguatkuasaan mengikut jadual yang telah dirancang ke atas premis-premis EIA. Lawatan ini diadakan bagi memastikan syarat - syarat kelulusan Laporan EIA dipatuhi seperti yang disasarkan didalam Sasaran Tahunan 2023.

Berdasarkan lawatan yang telah dijalankan, didapati sebilangan besar projek telah memenuhi syarat-syarat kelulusan EIA iaitu 10.32% daripada lawatan tersebut telah direkodkan sebagai tidak mematuhi kriteria yang harus dipenuhi dalam projek EIA manakala 89.68% daripadanya memenuhi syarat – syarat yang dikemukakan.

PENCAPAIAN UNIT PENGUATKUASAAN EIA & GIS JAS KEDAH TAHUN 2023



Pencapaian Penguatkuasaan EIA Tahun 2023

Bil.	Perkara	Jumlah	Peratus (%)
1.	Lawatan Penguatkuasaan EIA	70	55.55
2.	<i>Desktop Enforcement (DE)</i>	43	34.13
3.	Siasatan Aduan Berkaitan EIA	13	10.32
JUMLAH KESELURUHAN		126	100.00

Pecahan Pencapaian Penguatkuasaan EIA

Bil.	Perkara	Jumlah	Peratus (%)
1.	Patuh	113	10.32
2.	Tidak Patuh	13	89.68
JUMLAH KESELURUHAN		126	100.00

Pecahan pematuhan syarat-syarat kelulusan EIA Tahun 2023

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Notis Arahan	8
2.	Kompaun (Pembakaran Terbuka & Buangan Terjadual)	0
3.	Kertas Siasatan	2

Tindakan penguatkuasaan Tahun 2023

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Laporan EMP diterima	12
2.	Laporan EMP diluluskan	12
3.	Laporan EMP dalam proses	0
JUMLAH KESELURUHAN		12


Pecahan pencapaian pemprosesan Laporan EMP Tahun 2023

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Laporan EQMR diterima dan direkod	214
2.	Laporan EQMR disemak	161
3.	Laporan EQMR bagi projek tiada dalam Jadual Penguatkuasaan EIA JAS Kedah Tahun 2023	53
JUMLAH KESELURUHAN		214

Pecahan pencapaian semakan Laporan EQMR Tahun 2023

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Laporan Audit diterima dan direkod	43
2.	Laporan Audit disemak dan disusul	39
3.	Laporan Audit bagi projek tiada dalam Jadual Penguatkuasaan EIA JAS Kedah Tahun 2023	4
JUMLAH KESELURUHAN		43

Pecahan Pencapaian Semakan Laporan Audit Alam Sekitar Tahun 2023



Pencapaian Geographical Information System (GIS) Tahun 2023

3.3 UNIT NOTIFIKASI DAN PENGAWASAN

Notifikasi


Pemberitahuan Bertulis adalah suatu dokumentasi yang perlu disediakan oleh pihak pemunya/ pemilik sesebuah premis atau projek yang juga boleh diwakilkan kepada pihak jururunding untuk memastikan cadangan pembinaan baharu atau menaiktaraf sesuatu sistem kawalan pencemaran memenuhi kriteria reka bentuk yang dicadangkan mengikut garis panduan dan bersesuaian dengan jenis pencemaran yang hendak dikawal serta mampu beroperasi dengan cekap dan berkesan dalam mematuhi had dan standard teknikal yang telah digariskan di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Peraturan-Peraturan yang tertakluk di bawah kehendak penyediaan dokumen ini adalah Peraturan 4 di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan di dalam Peraturan 5 di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Di bawah Peraturan ini dinyatakan dengan jelas yang menghendaki supaya premis-premis yang berkaitan mengemukakan Pemberitahuan Bertulis kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar sebelum pembinaan baru atau pembinaan bagi tujuan menaiktaraf kelengkapan, kapasiti dan kualiti punca dan sistem kawalan samaada sistem pengolahan kumbahan, sistem pengolahan efluen perindustrian, alat pembakaran bahan api dan juga sistem kawalan pencemaran udara.

Seterusnya, pihak kilang, premis atau pemaju perlu mengemukakan dokumen permohonan Pemberitahuan Bertulis tersebut kepada Jabatan ini dalam tempoh sekurang-kurangnya 30 hari sebelum sebarang pembinaan atau perubahan peralatan kelengkapan dan sistem kawalan pencemaran dijalankan selaras dengan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan), Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen

Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009 dan Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Merujuk kepada rekod Jabatan ini, pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah menerima permohonan bagi pembinaan baru dan menaiktaraf iaitu dengan pecahan sebanyak 18 permohonan Pemberitahuan Bertulis bagi pembinaan loji pengolahan sisa kumbahan, 1 permohonan Pemberitahuan Bertulis bagi pembinaan loji pengolahan bagi kawalan pencemaran daripada stesen pemindahan sisa pepejal dan kambus tanah, 43 permohonan Pemberitahuan Bertulis bagi punca baru atau yang diubah efluen perindustrian atau efluen bercampur, 260 permohonan bagi pembinaan alat pembakaran bahan api seperti dandang dan alat janakuasa beserta sistem kawalan pencemaran udara bagi punca yang terhasil daripada alat pembakaran bahan api tersebut serta 507 permohonan Pemberitahuan Bertulis bagi pembinaan sistem kawalan pencemaran udara seperti penggahar, penapis beg dan juga perangkap habuk empar.



Permohonan Pemberitahuan Bertulis Tahun 2023

Pengawasan

i) Pengawasan Kualiti Air Sungai

Sepanjang tahun 2023, program pengawasan kualiti air sungai telah dijalankan di lapan (8) buah lembangan sungai yang melibatkan 74 buah stesen pemantauan secara manual dan 3 buah stesen pemantauan secara automatik . Lembangan sungai utama di Negeri Kedah yang diawasi dan dilakukan pemantauan secara manual adalah di Sungai Kedah (18 stesen), Sungai Kerian (1 stesen), Sungai Kisap (1 stesen), Sungai Kuah (1 stesen), Sungai Merbok (11 stesen), Sungai Muda (24 stesen), Sungai Perai (11 stesen) dan Sungai Ulu Melaka (7 stesen). Program pengawasan kualiti air sungai secara manual ini dilaksanakan persampelannya oleh pihak Pakar Scieno TW Sdn. Bhd. (PSTW) melalui program penswastaan sejak tahun 2017.

Terdapat 6 parameter yang diukur mengikut standard pengklasifikasian **Indeks Kualiti Air** (IKA) Jabatan Alam Sekitar iaitu Oksigen Biokimia Yang Diperlukan (BOD), Oksigen Kimia Yang Diperlukan (COD), Pepejal Terampai (SS), pH, Oksigen Terlarut (DO) dan Ammonikal Nitrogen (AN).

Bermula tahun 2023, orang awam boleh menyemak data kualiti air sungai bagi stesen manual dan stesen automatik melalui laman sesawang <http://eqmp.doe.gov.my/>.

Lembangan	Sungai	Jumlah Stesen
Kisap	Kisap	1
Ulu melaka	Chenang	1
	Melaka	3
	Petang	1
	Saga	1
	Tuba	1

Kuah	Kuah	1
Kedah	Changlun	1
	Janing	1
	Ahning	1
	Kedah	1
	Napoh	1
	Padang Terap	5
	Pedu	1
	Pendang	1
	Sintok	1
	Tekai	1
	Temin	1
	Terusan Lengkuas	1
	Terusan Mada Selatan	1
	Terusan Tengah	1
	Merbok	Batu
Bakar Arang		1
Bongkok		1
Bukit Merah		1
Merbok		1
Petani		1
Tok Pawang		2
Tupah		1
Korok		1
Bukit Nanas		1

Muda	Muda	12
	Jerong	2
	Ketil	1
	Sedim	2
	Karangan	1
	Tawar	3
	Pegang	1
	Chepir	1
	Gunung Inas	1
	Perai	Jarak
Kereh		1
Kulim		4
Seluang Bawah		1
Seluang		1
Kerian	Kerian	1
Jumlah Keseluruhan Stesen		74


Bilangan lembangan dan bilangan stesen kualiti air sungai yang dipantau oleh
Jabatan Alam Sekitar

INDEKS KUALITI AIR (IKA)	KELAS	PENKELASAN KUALITI AIR
>92.7	I	Bekalan air tanpa sebarang rawatan
76.5 - 92.7	II	Bekalan air dengan rawatan konvensional
51.9 - 76.5	III	Bekalan air dengan rawatan tambahan
31.0 - 51.9	IV	Sesuai untuk tujuan pengairan

<31.0	V	Tidak sesuai untuk mana-mana tujuan di atas
-------	---	---

INDEKS KUALITI AIR	INDEKS AIR
81-100	CLEAN
60-80	SLIGHTLY POLLUTED
0-59	POLLUTED

Jadual 4.8 Klasifikasi kualiti air sungai mengikut kelas



Kedudukan stesen pengawasan kualiti air sungai automatik di Negeri Kedah

ii) Program Pengawasan Kualiti Air Marin

Sepanjang tahun 2023, program pengawasan kualiti air marin telah dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak konsensi iaitu Pakar Scieno Techno Water Sdn Bhd (PSTW). Program pengawasan kualiti air marin telah dijalankan di dua puluh tujuh (27) buah stesen pengawasan air marin melibatkan stesen pengawasan manual dan juga automatik. Ianya melibatkan stesen persisiran pantai, kuala dan pulau di seluruh Negeri Kedah.

Program pengawasan kualiti air marin ini dilaksanakan bertujuan untuk memantau perubahan status kualiti air marin di Negeri Kedah berdasarkan kepada kegunaannya seperti kawasan pemeliharaan taman laut, hidupan laut / perikanan, pelabuhan / kawasan minyak dan gas dan kawasan paya bakau / muara sungai.

Program pengawasan kualiti air marin ini dilaksanakan bertujuan untuk memantau perubahan status kualiti air marin di Negeri Kedah berdasarkan kepada kegunaannya seperti habitat marin sensitif, perikanan (termasuk marikultur), industri, aktiviti komersial & kawasan kediaman pesisir pantai, muara sungai, dan rekreasi.

Sebanyak enam (6) kali frekuensi persampelan telah dijalankan sepanjang tahun 2023 bagi setiap stesen pengawasan kualiti air marin di Negeri Kedah ini. Secara keseluruhannya, pada tahun 2023, Indeks Kualiti Air Marin (IKAM) di kebanyakan stesen persisiran pantai, kuala dan pulau di Negeri Kedah berada pada kategori "Excellent", "Good" (baik) dan "Moderate" (sederhana).

Bermula tahun 2023, orang awam boleh menyemak data kualiti air marin bagi stesen manual dan stesen automatik melalui laman sesawang <http://eqmp.doe.gov.my>



Kedudukan stesen pengawasan kualiti air marin di Negeri Kedah

Mulai tahun 2013, pengiraan status kualiti air marin adalah berdasarkan Indeks Kualiti Air Marin (IKAM). **Tujuh (7) parameter** asas yang diambil kira untuk pengiraan IKAM adalah Oksigen Terlarut (DO), Ammonia, “Faecal coliform”, Jumlah Pepejal Terampai, Minyak & Gris, Nitrat dan Fosfat.

PARAMETER (µg/l) melainkan dinyatakan sebaliknya	KLASIFIKASI					
	KELAS 1	KELAS 2	KELAS 3	INTERIM KELAS E1	INTERIM KELAS E2	INTERIM KELAS E3
	Habitat Marin Sensitif	Perikanan (Termasuk Marikultur)	Industri, Aktiviti Komersial & Kawasan Kediaman Pesisir Pantai	Muara Sungai		
				Dataran Pantai	Lagun	Rangkaian Kompleks
Oksigen Terlarut (mg/l)	>6.0	>5.0	>3.0	>5.0	>5.0	>5.0
Jumlah Pepejal Terampai (mg/l)	25.0	50.0	100.0	30.0	30.0	30.0
Fosfat	5.0	75.0	670.0	100.0	180.0	180.0
Nitrat	10.0	60.0	700.0	200.0	570.0	430.0
Ammonia	35.0	50.0	320.0	5.0	10.0	10.0
Merkuri	0.04	0.04	0.04	0.04	0.04	0.04
Kadmium	0.14	10	20	10	10	10
Kromium (VI)	1.3	2.9	8	1	1	1
Kuprum	2	7	14	5	5	5
Sianida	2	7	14	5	5	5
Plumbum	2.2	8.5	12	1.3	2	2

Zink	7	50	100	16	5	5
Arsenik (III)	1	3	3	3	1	1
Aluminium	27	27	55	27	27	27
TBT	0.001	0.01	0.05	0.002	0.002	0.002
PAH	100	200	1000	5	5	5
Jumlah Fenol	1	10	100	10	10	10
Minyak & Gris (mg/l)	0.01	0.14	5	1	1	1
Faecal Coliform (Cfu/100ml)	70	70	70	70	70	70
Suhu (°C)	≤ 2 °C bertambah melebihi ambien maksimum					
pH	6.5 - 9.0					
Marine litter	Bebas dari marine litter					

Kriteria dan standard kualiti air laut di Malaysia

iii) Pengawasan Kualiti Air Tanah

Terdapat enam (6) buah stesen pengawasan kualiti air tanah dan aktiviti - aktiviti pengawasan akan dilaksanakan sendiri oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah yang terletak di Kepala Batas (2 stesen), Kulim (1 stesen), Padang Mat Sirat (2 stesen) dan di Tanjung Rhu (1 stesen).

Pengawasan kualiti air bawah tanah adalah penting bagi memantau pergerakan dan juga pencemaran air bawah tanah. Aktiviti pengawasan kualiti dan persampelan air bawah tanah dilakukan dengan kekerapan empat (4) kali frekuensi setahun. Antara parameter air tanah yang diukur adalah seperti pH, suhu, kekonduktiviti, kekeruhan, "Volatile Organic Compound (VOC)", "Organochlorine Pesticide", logam berat, fenol, nitrat, bakteria dan "Total Organic Compound (TOC)".

Persampelan yang dilakukan akan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk analisa dan hasil analisa akan diberikan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk rekod Jabatan ini untuk tindakan lanjut sekiranya terdapat isu atau ketidakpatuhan yang berlaku.

Indek Kualiti Air Tanah (IKAT)	Kategori	Potensi Penggunaan
0 – 29	Sangat Tercemar	Tinjauan diperlukan sebelum kegunaan
30-50	Tercemar	Pengairan
51-74	Sederhana	Air Mentah / Penggunaan Industri
75-90	Bersih	Berpotensi sebagai air minuman, TERTAKLUK kepada pematuhan semua parameter yang disenaraikan dalam piawaian Kualiti Air Minum di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia
> 90	Sangat Bersih	Air berkualiti tinggi bagi semua bentuk penggunaan, TERTAKLUK kepada piawaian kualiti air yang ditetapkan untuk setiap bentuk penggunaan


Indeks Kualiti Air Tanah (IKAT) di Malaysia

iv) Pengawasan Kualiti Udara

Indeks Pencemaran Udara (IPU) digunakan untuk memberikan maklumat yang cepat, tepat dan mudah difahami berkenaan status udara kualiti ambien sesuatu kawasan. Nilai IPU memudahkan orang awam untuk mengetahui status kualiti udara di sesuatu kawasan samada berada pada tahap baik, sederhana, tidak sihat, sangat tidak sihat ataupun berbahaya. Nilai IPU dikira berdasarkan kepada parameter zarahhan terampai (PM), Sulfur Dioksida (SO₂), Nitrogen Dioksida (NO₂), Ozon Paras Permukaan Bumi (O₃) dan Karbon Monoksida (CO).

Bagi memastikan tujuan ini dapat dicapai, di Negeri Kedah terdapat lima (5) stesen pengawasan bagi kualiti udara, manual dan juga automatik yang meliputi keseluruhan Negeri Kedah. Pemakluman secara terus akan diterima oleh Jabatan Alam Sekitar sekiranya terdapat bacaan yang melebihi had yang ditetapkan dan pemantauan siasatan ke lokasi akan dijalankan bagi memastikan tiada ketidakpatuhan atau pelepasan udara yang dilakukan oleh penduduk atau premis atau projek di sekitar kawasan tersebut yang boleh menjejaskan pernafasan atau kualiti udara di sekitar Negeri Kedah.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2023, Indeks Kualiti Udara (IPU) di Negeri Kedah menunjukkan bacaan kualiti udara berada pada tahap “Baik” dan “Sederhana”.



Petunjuk Indeks Pencemaran Udara (IPU)

3.4 UNIT INPUT PEMBANGUNAN DAN PENDIDIKAN

Input Pembangunan

Unit Input Pembangunan bertanggungjawab untuk memproses permohonan cadangan pembangunan di seluruh Negeri Kedah yang terdiri daripada 12 daerah iaitu Kota Setar, Kubang Pasu, Padang Terap, Pokok Sena, Pendang, Kuala Muda, Sik, Yan, Baling, Kulim, Bandar Baharu dan Langkawi.

Skop tugas Unit Input Pembangunan telah dilaksanakan dengan merujuk kepada garis panduan sedia ada iaitu *Guidelines for Siting and Zoning of Industry and Residential Areas (SZIRA)* dan *Environmental Essential for Siting of Industries in Malaysia (EESIM)*. Unit Input Pembangunan berperanan memproses semua permohonan yang melibatkan industri dan pembinaan dengan mengenalpasti penyediaan zon penampungan di antara kawasan penempatan dengan kawasan cadangan projek. Selain itu, pemohon juga hendaklah mencadangkan teknologi kawalan pencemaran yang terbaik atau “*Best Available Techniques*” (BAT) yang akan digunakan mengikut keperluan kawasan persekitaran.

Proses penilaian serta ulasan permohonan dilaksanakan dengan mengambil kira cadangan guna tanah berdasarkan Pelan Rancangan Kemajuan peringkat Negeri atau setempat (Rujukan: Rancangan Tempatan Daerah (RTD), Rancangan Kawasan Khas (RKK) dan Rancangan Fizikal Negara). Selain itu, semakan juga akan dibuat bagi aktiviti-aktiviti yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 2015.

Bahagian/Cawangan	Bilangan Permohonan Diterima
JAS Negeri Kedah	295
JAS Cawangan Sungai Petani	479
JAS Cawangan Kulim	201
JAS Cawangan Langkawi	86
Jumlah	1061

Jumlah permohonan yang diterima Tahun 2023

Pendidikan

Pendidikan dan Kempen Kesedaran Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah melaksanakan 96 program - program kesedaran alam sekitar sepanjang tahun 2023. Program - program yang dilaksanakan secara berterusan ini adalah bertujuan untuk mendidik dan melahirkan masyarakat supaya mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan memulihara dan memelihara alam sekitar. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi tahun 2023 termasuklah sambutan Hari Bumi, sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, sambutan Hari Ozon dan sambutan Hari Alam Sekitar Negara beserta program pengumpulan "Household e-Waste", pameran kesedaran, ceramah dan aktiviti penanaman pokok.

Aktiviti / Program	Kekerepan
Ceramah	26
Pameran	23
Program Kesedaran	38
Aktiviti Pengumpulan e-waste	6
Seminar	3

i) Program Pengumpulan e-Waste Sempena Sambutan Hari Bumi 2023 dengan Kerjasama Majlis Daerah Padang Terap Dan E-Idaman

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah dengan kerjasama Rakan Strategik iaitu Majlis Daerah Padang Terap dan E-Idaman telah menganjurkan program pengumpulan 'e-Waste' sempena Sambutan Hari Bumi 2023 Peringkat Negeri Kedah bertemakan '*Invest in Our Earth*' pada 4 April 2023

Program pengumpulan 'e-waste' dengan kerjasama Rakan Strategik ini merupakan salah satu usaha JAS Negeri Kedah untuk melibatkan pelbagai agensi agar bersama-sama memulihara alam sekitar selaras dengan slogan JAS iaitu "Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama".



Kenderaan pengangkut Syarikat E-Idaman Sdn. Bhd.



Program Pengumpulan e-Waste dengan bersama Syarikat E-Idaman

ii) **Program Pengumpulan e-Waste Sempena Sambutan Hari Bumi 2023 dengan Kerjasama Sekolah Kebangsaan Jitra Dan E-Idaman**

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah dengan kerjasama Rakan Strategik iaitu Sekolah Kebangsaan Jitra dan E-Idaman telah menganjurkan program pengumpulan 'e-Waste' bersempena dengan Sambutan Hari Bumi 2023 Peringkat Negeri Kedah bertemakan '*Invest in Our Earth*' pada 10 April 2023

Enam (6) kategori 'e-Waste' yang dikumpul termasuklah peti ais, mesin basuh, televisyen, penghawa dingin, komputer/laptop dan telefon bimbit serta buangan elektrik dan elektronik yang lain.



iii) **Program *Envirohunt* Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia dan Hari Malaysia Peringkat Negeri Kedah 2023**

Program *Envirohunt* Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia dan Hari Malaysia Peringkat Negeri Kedah 2023 telah diadakan pada 16 September 2023 bermula dari tapak pelepasan di Minebea Electronics Motors (M) Sdn. Bhd. Program ini telah dihadiri oleh 200 peserta daripada pelbagai sektor seperti sektor swasta, agensi kerajaan dan juga orang awam.

Terdapat sembilan (9) *checkpoint* yang melibatkan lokasi-lokasi yang menarik di negeri Kedah dari segi sejarah, biodiversiti dan tamadun iaitu:

- i. Kompleks Pelancongan Jeti Semeling;
- ii. Muzium Arkeologi Lembah Bujang;
- iii. Tapak Arkeologi Sungai Batu;
- iv. Pusat Santuari dan Pembiakan Landak Raya, Jeneri;
- v. Perkampungan Adat Melayu Seri Banian;
- vi. Stadium Darul Aman;
- vii. Rumah Merdeka;
- viii. Muzium Diraja Kedah; dan
- ix. Kota Kuala Kedah.







iv) Program Kesedaran Mengenai Larangan Pembakaran Terbuka dan Pengurusan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Bersama Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) 2023

Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) 2023, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) telah menganjurkan program kesedaran mengenai larangan pembakaran terbuka dan pengurusan buangan elektrik dan elektronik (e-waste) pada 29 Mei 2023.

Program ini diadakan di Dewan Budi Gemilang, Kolej KEDA Rimba Taqwa, Perangin, Sik, Kedah yang dirasmikan oleh Tuan Khairul Azmeer bin Abu Bakar, Timbalan Pengurus Besar (Operasi) KEDA. Program ini telah disertai oleh komuniti di Wilayah seliaan KEDA dan pelajar Kolej KEDA dengan penglibatan seramai 210 peserta.

Program dimulakan dengan taklimat penggunaan 'effective microbes' dalam pengurusan sisa makanan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah.

Program disusuli taklimat larangan pembakaran terbuka dan kempen pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (e-waste) oleh pegawai-pegawai daripada JAS.

Program ini merupakan salah satu usaha JAS untuk menghentikan pembakaran terbuka dan memberi kesedaran kepada pihak tidak bertanggungjawab, bagi menjaga kualiti udara.

Selain itu, JAS juga berusaha untuk memastikan pengurusan e-waste diurus secara mesra alam dan slogan JAS "Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama" diterima oleh semua pihak dalam usaha mewariskan bumi kita ini untuk generasi kita masa kini dan akan datang.

Jabatan ini mengucapkan terima kasih kepada KEDA serta semua individu yang terlibat atas kesudian menjalinkan kerjasama bagi menjayakan program ini.



v) Program Kesedaran Komuniti (*Community Outreach*) Larangan Pembakaran Terbuka dan Eklporasi Alam

Satu program kesedaran komuniti (community outreach) anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah bersama Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) sebagai Rakan Alam Sekitar telah diadakan di Tapak Perkhemahan Damai (Damai Campsite) d' Lubuk Badak, Baling sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) pada 28 Mei 2023. Dalam program tersebut pelbagai aktiviti telah dijalankan bersama pihak KEDA seperti pemasangan banner dan edaran risalah (pamplet) larangan pembakaran terbuka kepada pengunjung dan komuniti daerah Sik dan Baling.

Tiga (3) lokasi edaran risalah tersebut adalah di Pusat Rekreasi Lata Mengkuang dan KEDA Resort Bendang Man, Sik serta Campsite Damai D'Lubuk Badak, Baling. Turut diadakan aktiviti jelajah alam sekitar seperti 'river trekking' dan 'jungle trekking'. Perasmian program telah disempurnakan dengan penanaman pokok buluh madu telah disempurnakan oleh Puan Sharifah Zakiah binti Syed Sahab, Pengarah JAS Negeri Kedah. Rebung dari pokok buluh madu ini juga merupakan salah satu makanan yang popular di kawasan setempat.



Program kesedaran di Lubuk Badak Camp Site, Baling



Kehadiran para peserta dan urus setia



penanaman pokok buluh madu oleh YBrs. Puan Sharifah Zakiah binti Syed Sahab



Aktiviti penanaman pokok bersama wakil KEDA

vi) Program Penanaman Pokok Bakau Oleh UiTM Cawangan Kedah Bersama Jabatan Perhutanan, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Negeri Kedah dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah bekerjasama dengan pihak UiTM Kedah, Jabatan Perhutanan dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Kedah dalam menjayakan program penanaman pokok bakau di kawasan Kuala Sungai Baru Jilid 4, Merbok, Kedah sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) 2023 pada 7 Jun 2023.

Sebanyak 1000 batang anak pokok bakau telah ditanam di kawasan Kuala Sungai Baru. Program ini juga turut dihadiri oleh Pegawai-pegawai dari JAS Negeri Kedah manakala pihak UiTM pula di ketuai oleh YBhg. Profesor Dr. Roshima Said (Rektor UiTM Kedah).

Program yang dijalankan di Kuala Sungai Baru Jilid 4, Merbok bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 1.00 tengahari.

Program kerjasama ini merupakan salah satu usaha JAS untuk melibatkan pelbagai agensi agar bersama-sama memulihara alam sekitar selaras dengan slogan JAS iaitu “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”.



Program penanaman pokok bakau bersama para pelajar UiTM



Kehadiran para peserta program



Aktiviti penanaman pokok bakau

vii) Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Kedah 2023

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah telah mengadakan Majlis Perasmian Hari Alam Negara (HASN) Peringkat Negeri Kedah 2023 bertempat di Langkawi pada 25 Oktober 2023. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB. Tuan Haji Mohamad Yusoff @ Munir Bin Haji Zakaria, AMK., BKM., Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Sumber Asli, Bekalan Air, Sumber Air Dan Alam Sekitar.

YB. Exco Alam Sekitar dalam ucapan perasmiannya memaklumkan objektif penganjuran sambutan HASN Peringkat Negeri Kedah 2023 ini adalah untuk:

- (i) Mempromosikan pendidikan dan kesedaran ke arah pembudayaan alam sekitar secara meluas di kalangan orang awam dari pelbagai lapisan masyarakat:
- (ii) Menyediakan platform kepada masyarakat untuk bersama-sama dalam menghayati nilai kelestarian alam sekitar:
- (iii) Memupuk kesedaran di kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar; dan
- (iv) Meningkatkan dan mengukuhkan jalinan kerjasama antara Jabatan dan Kementerian dengan pihak luar termasuklah Kerajaan Negeri, industri, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi, media dan masyarakat setempat.

Tema HASN pada kali ini adalah 'Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama' yang dikekalkan sejak tahun 2016 lagi. YB. Exco Alam Sekitar juga menyeru kepada masyarakat umum, agar sama-sama mula mencegah daripada melakukan pembakaran terbuka iaitu membakar secara terus (pembaraan yang berlaku di udara bebas tanpa kawalan).

Terdapat pelbagai program yang dianjurkan oleh JAS Negeri Kedah bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023 Peringkat Negeri Kedah.

Antara program tersebut termasuklah:

Bil	Program	Tarikh
1	Program Cakna <i>e-Waste</i> dan Promosi Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Daerah Langkawi	20 September 2023
2	Pertandingan Fotografi Bertemakan 'Alam Ku Indah Tanpa Pembakaran Terbuka' di Negeri Kedah yang diadakan bermula pada	18 Ogos sehingga 1 Oktober 2023
3	Sesi Libat Urus Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Negeri Kedah yang diadakan di daerah Langkawi	3 hingga 4 Oktober 2023
4	Program ' <i>Our Environment, Our Nature</i> ' anjuran bersama MSU College, Infineon Sdn Bhd, SMK Bandar Puteri Jaya, Sungai Petani dan lain-lain di Sungai Merbok	7 Oktober 2023
5	Konvoi Kembara Alam: Program Kesedaran Komuniti Bertemakan Larangan Pembakaran Terbuka yang diadakan dengan kerjasama Kelab Permotoran GAA Motorsport Kedah di Daerah Yan dan Kuala Muda	11 Oktober 2023
6	Eksplorasi Hutan Paya Bakau Sungai Merbok	12 Oktober 2023
7	Program <i>Outreach</i> Pemasangan Kain Rentang Larangan Pembakaran Terbuka Dan Pembersihan Pantai Di Pulau Songsong, Yan, Kedah	16 Oktober 2023
8	Seminar on Environmental Management & Sustainability'	23 hingga 24 Oktober 2023
9	<i>Coral Rack Planting @ Jemuruk Island & Cave Exploration'</i>	25 Oktober 2023
10	Permainan Sukan Rakyat Menggunakan Bahan Terbuang Bertemakan Alam Sekitar Terpelihara	26 Oktober 2023

	Tanpa Pembakaran Terbuka bertempat di Laman Padi	
11	Program Outreach Edaran Pamphlet Larangan Pembakaran Terbuka Bersama Komuniti dan Program <i>Fun Walk</i> - "Say No To Open Burning" di Sungai Sedim, Kulim	4 November 2023
12	Bengkel Fotografi dan Videografi Larangan Pembakaran Terbuka di Daerah Langkawi	7 hingga 9 November 2023
13	Perasmian Pejabat & Galeri Alam Sekitar JAS Negeri Kedah dan Program Sisipan Pameran Alam Sekitar serta Kempen Larangan Pembakaran Terbuka di Pejabat JAS Kedah, Souq Al-Bukhory	19 November 2023
14	Program Pengumpulan e-waste Peringkat Daerah Langkawi	27 November 2023



Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Kedah Tahun 2023




Suasana Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara



Kehadiran mantan Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia YBhg. Dato' Halimah binti Hassan



Kehadiran YBrs. Encik Mohd Subhi bin Abdullah,
Pegawai Daerah Langkawi bersama wakil



Kehadiran para peserta *Seminar on Environmental & Sustainability* di Hotel Aloft, Langkawi



Pembentangan oleh penceramah di *Seminar on Environmental & Sustainability* di Hotel Aloft, Langkawi



Kehadiran para peserta *Seminar on Environmental & Sustainability* di Hotel Aloft, Langkawi



Penerangan oleh *instructor* program mengenai *coral*



Coral rack yang tersedia untuk digunakan



Program permainan sukan rakyat di Laman Padi, Langkawi



Antara permainan sukan rakyat di Laman Padi, Langkawi



Suasana persekitaran program permainan sukan rakyat



Suasana persekitaran program permainan sukan rakyat

viii) Program Cakna E-Waste Dan Promosi Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Peringkat Daerah Langkawi, Kedah Sempena Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2023

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah dengan kerjasama rakan strategik Kementerian Pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi dan Key Master Enterprise telah menganjurkan Program Cakna e-waste dan Promosi Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Peringkat Daerah Langkawi, Kedah Sempena Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2023 pada 20 September 2023.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi penerangan berhubung e-waste dan pengurusannya serta mempromosi SLAAS kepada guru-guru dan menggalakkan serta meningkatkan penyertaan sekolah-sekolah di Negeri Kedah khususnya Daerah Langkawi dalam program SLAAS. Program ini telah dihadiri oleh 150 orang peserta yang melibatkan agensi-agensi termasuklah Majlis Perbandaran Langkawi & Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), hotel-hotel dan sekolah-sekolah di Daerah Langkawi.



ix) Bengkel Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Sempena Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Kedah 2023

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah bersama-sama Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dengan kerjasama SK Air Merah, Kulim telah menganjurkan Bengkel Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Sempena Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Kedah 2023 pada 23 Ogos 2023. Bengkel ini bertujuan untuk memberi penerangan dan mempromosi SLAAS kepada guru-guru di Negeri Kedah dan menggalakkan serta meningkatkan penyertaan sekolah-sekolah di Negeri Kedah dalam program SLAAS. Bengkel ini telah dihadiri oleh guru-guru daripada 24 buah sekolah menengah dan rendah seluruh negeri Kedah.

Bengkel ini dimulai dengan ucapan aluan oleh Puan Suzzana binti Md Saad, Guru Besar SK Air Merah diikuti dengan ceramah Pengenalan SLAAS oleh Puan Norafiza binti Halim daripada JAS Cawangan Langkawi, diikuti ceramah bertajuk SLAAS Dalam Aspek Kurikulum dan Kokurikulum oleh Encik Anuar Bin Yusuf daripada Pejabat Pendidikan Daerah Kulim Bandar Baharu dan ceramah terakhir bertajuk Pelaksanaan dan Perkongsian Pengalaman SK Air Merah oleh Cikgu Soo Kwon Kiew. Perasmian Penutup telah dilancarkan oleh Ts. Mohd Rosiskada bin Mohamed, Timbalan Pengarah Pembangunan JAS Negeri Kedah.



Para panel SLAAS dan Wakil Pejabat Pendidikan Daerah Kulim dan Bandar Baharu



Para peserta daripada kalangan guru-guru



Para panel SLAAS, para peserta dan para urus setia

x) Program Penyerahan e-Waste Oleh Pelajar-Pelajar Universiti Utara Malaysia Kepada Syarikat Green Resource Recovery Sdn. Bhd (GRRSB) E-Idaman

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah dengan kerjasama Rakan Strategik iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan lawatan ke premis GRRSB E-Idaman bagi menyerahkan hasil kutipan e-waste pada 14 Jun 2023.

Majlis penyerahan e-waste oleh wakil-wakil pelajar UUM ini telah disaksikan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Kedah (JAS), YBrs. Puan Sharifah Zakiah Binti Syed Sahab dan diiringi pegawai-pegawai kanan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah. Pengumpulan e-waste ini telah dijalankan oleh sekumpulan pelajar dari Kursus Ijazah Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa, UUM yang diketuai oleh Cik Khairul Bariyyah binti Abd Mutalif. Pelajar-pelajar ini telah menjalankan kempen pengumpulan e-waste dibawah subjek 'International Environmental Law' atau Undang-Undang Alam Sekitar Antarabangsa. Kempen ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu webinar bertajuk 'Electronic Waste and Its Impact on Human Health and Environment' dan kutipan e-waste bertajuk 'E-waste Collection Campaign'. Kempen yang dijalankan ini bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar dan orang ramai tentang kepentingan pengurusan e-waste. Satu sesi taklimat juga telah diadakan oleh pihak GRRSB E-Idaman mengenai operasi pengumpulan e-waste kepada pihak JAS dan juga pelajar UUM.



Program bersama syarikat Green Resource Recovery Sdn. Bhd.



Program pengumpulan e-Waste



Program pengumpulan e-Waste

xi) Taklimat Keberkesanan Penyiasatan Kes Pembakaran Terbuka dan Tatabara Penyediaan Kertas Siasatan Kepada Pegawai-Pegawai JAS Negeri Kedah

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah telah mengadakan Taklimat Keberkesanan Penyiasatan Terbuka dan Tatabara Penyediaan Kertas Siasatan pada 14 dan 15 Ogos 2023.

Taklimat ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan pengetahuan pegawai-pegawai JAS Negeri Kedah dalam penyiasatan kes pembakaran terbuka serta penyediaan kertas siasatan yang komprehensif. Taklimat ini diadakan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan JAS dalam memastikan pengurusan alam sekitar yang berkesan di negeri ini. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Tuan Haji Shaari bin Amat, Ketua Penolong Pengarah daripada Bahagian Penguatkuasa JAS Ibu Pejabat.

Semasa sesi taklimat tersebut, pegawai-pegawai JAS Negeri Kedah telah diberikan panduan tentang kaedah penyiasatan, pengumpulan bukti dan penyediaan kertas siasatan yang lengkap dan terperinci.

Selain itu, aspek-aspek seperti kerjasama antara agensi dan langkah-langkah penguatkuasaan yang sesuai juga diberikan penekanan.

Program ini merupakan salah satu inisiatif yang melambangkan komitmen JAS Negeri Kedah dalam memberikan pendedahan dan pemahaman yang lebih baik kepada pegawai-pegawai serta menyumbang kepada perlindungan alam sekitar yang lebih berkesan.

Program kesedaran yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah tidak terhad kepada sambutan tertentu sahaja. Antara aktiviti kesedaran alam sekitar termasuklah Program Hijau bersama pihak pengurusan Menara Persekutuan Kedah, sidang media, wawancara radio dan hebahan berkaitan larangan pembakaran terbuka.



Taklimat
**KEBERKESANAN PENYIASATAN KES
PEMBAKARAN TERBUKA
DAN TATACARA PENYEDIAAN KERTAS
SIASATAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH**

14 & 15 OGOS 2023
Bilik Mesyuarat JAS Kedah



PENCERAMAH:
KPP TUAN HAJI SHAARI BIN AMAT



Program Taklimat Pembakaran Terbuka di JAS Negeri Kedah



Kehadiran para peserta program yang terdiri daripada pegawai-pegawai teknikal
JAS Negeri Kedah



Kehadiran para peserta program yang terdiri daripada pegawai-pegawai teknikal
JAS Negeri Kedah

xii) Program Kesedaran Mengenai Larangan Pembakaran Terbuka dan Pengurusan Buangan Elektrik dan Elektronik (e-Waste) Bersama Pertubuhan Peladang Kawasan F III, Pendang, Kedah

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah telah mengadakan Program Kesedaran Mengenai Larangan Pembakaran Terbuka dan Pengurusan Buangan Elektrik & Elektronik (e-Waste) Bersama Pertubuhan Peladang Kawasan F III Pendang di Kampung Banggol Basin, Pendang. Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah JAS Negeri Kedah, Puan Sharifah Zakiah Binti Syed Sahab pada 7 September 2023

Tujuan utama program ini adalah untuk memupuk kesedaran di kalangan petani dan peladang dalam menjaga serta melestarikan alam sekitar. Selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara dalam halatuju pengurusan alam sekitar negara, Program *Communication, Education & Public Awareness (CEPA)* ini dapat memberi pendedahan kepada semua petani dan peladang terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar yakni memiliki udara yang bersih serta persekitaran yang selamat.

Di samping itu, masyarakat pelbagai peringkat diberi penerangan mengenai perundangan berkaitan alam sekitar agar mereka boleh menjadi mata dan telinga kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) terhadap aktiviti pencemaran alam sekitar pada masa kini yang penuh dengan cabaran seperti pembakaran terbuka, pembuangan sisa toksik dan sebagainya.

Ceramah berkenaan pengurusan dan pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) juga diberikan iaitu salah satu usaha JAS dalam memastikan pengurusan e-waste ini diurus secara mesra alam dan slogan JAS "Pemuliharaan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama", diterima oleh semua pihak dalam usaha mewariskan bumi kita ini untuk generasi kita masa kini dan akan datang.

Turut hadir menjayakan program bersama ini adalah Timbalan Pengurus Wilayah 3 MADA, Puan Siti Azilawati Binti Md. Nasir dan Pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan F III Pendang, Puan Siti Zuraidah Binti Kameh.



Program kesedaran alam sekitar bersama PPK FIII, Pendang



Kehadiran para tetamu dan peserta program



Aktiviti penanaman pokok oleh YBrs. Puan Sharifah Zakiah binti Syed Sahab



Suasana persekitaran program

xiii) Program Taklimat Pemahaman Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Mengenai Larangan Aktiviti Pembakaran Terbuka dan Perwakilan Kuasa Kepada Pihak Berkuasa Tempatan/Agensi Kerajaan Negeri Kedah

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah telah mengadakan 'Program Taklimat Pemahaman Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Mengenai Larangan Aktiviti Pembakaran Terbuka dan Perwakilan Kuasa Kepada Pihak Berkuasa Tempatan/Agensi Kerajaan Peringkat Negeri Kedah bertempat di Dewan Koperasi Guru-Guru Kedah, Alor Setar pada 11 September 2023

Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah, Puan Sharifah Zakiah Binti Syed Sahab. Tujuan utama program ini adalah untuk menangani pencemaran udara terutama isu jerebu yang pernah melanda negara kita. Taklimat ini juga untuk memberi perdedahan dan kesedaran kepada wakil-wakil agensi umumnya tentang tanggungjawab berkaitan larangan melakukan aktiviti pembakaran terbuka.

Taklimat meliputi tiga (3) tajuk iaitu Pemahaman Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 mengenai larangan aktiviti pembakaran terbuka, Perwakilan kuasa dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 berkaitan pembakaran terbuka dan isu-isu pembakaran terbuka di Negeri Kedah.



Taklimat Pemahaman AKAS 1974 dan Perwakilan Kuasa



Kehadiran para peserta program



Ucapan perasmian oleh YBrs. Puan Sharifah Zakiah binti Syed Sahab



Suasana persekitaran program

xiv) **Sesi Libat Urus Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Negeri Kedah Tahun 2023**

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah melaksanakan Sesi Libat Urus Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Negeri Kedah Tahun 2023 bertempat di Goldsands Hotel, Langkawi pada 3 hingga 4 Oktober 2023.

Tujuan penganjuran sesi libat urus ini adalah untuk mengemaskini maklumat dalam dokumen Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) dan cetakan terkini. Antara fokus perbincangan semasa libat urus ini adalah kawasan-kawasan sensitif alam sekitar di sepanjang persisiran pantai Negeri Kedah termasuk jenis tumbuhan dan hidupan liar, perkongsian maklumat berkaitan *Malaysia Oil Spill Contingency (MOSCoP)*, *Garis Panduan Malaysia Oiled Wildlife Respose Plan (MOWReP)*, *Shoreline Cleanup and Assessment Technique (SCAT)* dan *Oil Spill Response: Strategies & Challenges*.

Pengarah JAS Negeri Kedah, Puan Sharifah Zakiah binti Syed Sahab telah menyempurnakan upacara perasmian dan berharap sesi libat urus ini akan mencapai objektifnya dan satu pelan yang komprehensif dapat diwujudkan dan digunapakai

sebaiknya oleh semua pihak sebagai dokumen panduan bagi memastikan tumpahan minyak di pantai dapat ditangani secara berkesan.

Sesi libat urus ini telah disertai oleh empat puluh lima (45) peserta di peringkat Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah dengan kehadiran penceramah yang berpengalaman. Jabatan Alam Sekitar Negeri Negeri Kedah mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta yang hadir untuk sesi libat urus ini.



Suasana persekitaran semasa pendaftaran



Kehadiran para peserta program



Suasana persekitaran ketika program berlangsung



Sesi bergambar bersama para peserta dan urus setia

3.5 PENDAKWAAN

Pada tahun 2023, sebanyak 13 kertas siasatan telah disediakan. Dalam pada itu, bilangan kes yang didaftarkan di mahkamah dibawah kesalahan-kesalahan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) termasuk peraturan-peraturan di bawahnya adalah sebanyak 10 kes. Antara kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan adalah seperti berikut:-

Seksyen 34A(7), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)

Pelanggaran Syarat-syarat Kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)

Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)

Penstoran luar tapak buangan terjadual tanpa lesen

Seksyen 16(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)

Pelanggaran syarat lesen bagi Premis Yang Ditetapkan, PYDT(BT) dan PYDT(KKS)

Peraturan 11(1)(a), 11(1)(b) dan 12(b), Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009

Gagal mematuhi standard pelepasan efluen perindustrian yang dibenarkan

Peraturan 5(1)(b), Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014

Gagal mengemukakan pemberitahuan bertulis bagi menjalankan apa-apa kerja di premis yang boleh mewujudkan suatu punca pengeluaran

BIL.	SEKSYEN/PERATURAN KESALAHAN	BIL. PERTUDUHAN DIDAFTARKAN
1.	Seksyen 16(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	3
2.	Seksyen 34A(7), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	1
3.	Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	1
4.	Seksyen 23(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	1
5.	Peraturan 11(1)(b), Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	2
6.	Peraturan 12(b) Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	2
7.	Peraturan 11(1)(a), Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	1
8.	Peraturan 5(1)(b), Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling(Udara Bersih) 2014	1
JUMLAH PERTUDUHAN YANG DIDAFTARKAN		12

Bilangan Pertuduhan yang didaftarkan mengikut jenis kesalahan bagi Tahun 2023

BIL.	SEKSYEN/PERATURAN KESALAHAN	SABITAN	DENDA (RM)
1.	Seksyen 16(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	2	11,000.00
2.	Seksyen 34A(7), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	1	20,000.00
3.	Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	1	10,000.00
4.	Peraturan 11(1)(b), Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	2	38,000.00
5.	Peraturan 12(b) Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	2	40,000.00
6.	Peraturan 11(1)(a), Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	1	10,000.00
7.	Peraturan 5(1)(b), Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling(Udara Bersih) 2014	1	12,000.00
JUMLAH		10	141,000.00

Jumlah Sabitan dan Denda Mahkamah bagi Tahun 2023

Daripada 10 kes pendakwaan yang didaftarkan di Mahkamah, sebanyak 9 kes dengan 12 pertuduhan telah selesai di sebut di Mahkamah-mahkamah Sesyen di Alor Setar, Kulim dan Baling, Kedah Darul Aman. Daripada itu, sebanyak 10 sabitan telah direkodkan dengan denda mahkamah RM141,000.00 telah berjaya dikutip sepanjang tahun 2023. Manakala 1 kes lagi disebut di Mahkamah Kulim pada tahun 2024.



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR**

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH DARUL AMAN

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH
ARAS 4 & 5A, ARCADE SECTION, SOUQ COMMERCIAL CENTRE,
JALAN TUN RAZAK
05100 ALOR SETAR, KEDAH
TEL: 04 733 2832
www.doe.gov.my

ISSN 3083-8525



9 773083 852002